

# Pengusaha kapal enggan upah pelaut tempatan

SH 24/11/2019 m/s 15

**SHAH ALAM** – Sikap pengusaha kapal tempatan lebih mengutamakan warga asing berbanding warga tempatan menyebabkan pelaut tempatan sukar mendapat pekerjaan.

Setiausaha Kesatuan Kebangsaan Pelaut-Pelaut Semenanjung Malaysia (NUSPM), Zaini Nordin berkata, para pengusaha kapal lebih bergantung kepada pelaut asing meskipun negara mempunyai pelaut tempatan yang mencukupi

untuk keperluan industri.

“Kebanyakan pengusaha kapal tempatan tidak memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan sebaliknya lebih cenderung mengambil pelaut warga asing seperti Myanmar dan Indonesia.

“Ramai rakyat Malaysia berminat untuk bertugas sebagai pelaut namun tidak diberi peluang,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, setiap pelaut

perlu mempunyai sijil serta menjalani latihan daripada pihak berkuasa.

Justeru, tegasnya, beliau menggesa Jabatan Laut Malaysia (JLM) supaya memantau pengambilan pekerja asing di sektor terbatas.

“Kami merasakan ini tidak adil dan pihak JLM perlu memantau cara pengambilan pelaut untuk bekerja terutamanya di kapal-kapal milik pengusaha tempatan,” katanya.



Jelas NUSPM bahawa ramai rakyat Malaysia minat bertugas sebagai pelaut namun tidak diberi peluang.  
(Gambar hiasan)